

21 DEC 2002

Abdul Kadir-Pelawat (Bergambar)/I

LIMA JUTA PELANCONG MALAYSIA DAN THAILAND DALAM BEBERAPA TAHUN LAGI

JITRA, 21 Dis (Bernama) -- Malaysia mensasarkan lima juta pelancong Thailand melawat negara ini dalam beberapa tahun lagi, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Beliau berkata kini kedua-dua negara mempunyai kira-kira 1.2 juta orang yang melawat kedua-dua negara setiap tahun dan jumlah itu disifatkan terlalu kecil.

"Sasaran yang ideal bagi beberapa tahun lagi ialah lima juta orang, katanya dalam ucapan pada pelancaran "Rumah Terbuka Aidilfitri" peringkat kebangsaan di kawasan taman tema air Bandar Darulaman di sini, malam ini.

Acara itu dilancarkan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Yang turut hadir ialah Sultan dan Sultanah Kedah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra and para menteri kabinet kedua-dua negara.

Abdul Kadir berkata Malaysia mengalu-alukan kedatangan Menteri Pelancongan dan Sukan Thailand, Sontaya Kunplome untuk datang ke negara ini bagi menggunakan kemudahan stesyen televisyen, radio dan media cetak bagi memastikan sasaran itu tercapai.

"Kami juga akan cuba melakukan perkara yang sama," katanya.

Beliau berkata kedua-dua pihak memiliki kempen pelancongan dalaman yang aktif, Malaysia dan Thailand berada dalam kedudukan terbaik untuk mendahului perkara itu dan mengilhamkan perjalanan dalaman Asean.

Mengenai rumah terbuka Aidilfitri, beliau berkata ia akan menjadi acara bersejarah kepada Jitra dan Haadyai yang sudah tentu akan membentuk trend baru dalam cara kita melakukan perkara di Asean.

Sebelum itu, Kadir mengucapkan jutaan terima kasih atas kedatangan tetamu-tetamu kehormat dan orang ramai yang sudi hadir di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri itu.

Beliau berkata majlis seumpama itu merupakan bukti paling nyata kepada seluruh dunia bahawa kebahagiaan dan keceriaan hidup rakyat dapat dipertingkatkan dengan mudah walaupun dalam masyarakat majmuk.

"Daripada perspektif pelancongan, Malaysia boleh mempamerkan kepada dunia tentang keunikan kebudayaannya dari rakyat berbilang kaum dan keharmonian hidup yang mereka kecapai," katanya.

Beliau yakin di masa depan, Asean akan lebih dikenali kepada dunia luar berbanding setiap negara anggotanya.

Sementara itu Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata perjumpaan seumpama itu akan mendatangkan banyak manfaat kepada kedua-dua negara.

"Bagi pihak kami, kami menyifatkan perhimpunan ini sebagai acara tahunan perayaan Aidilfitri, di samping mewujudkan promosi hebat kepada industri pelancongan di Kedah," katanya.

Beliau berkata perjumpaan itu juga boleh meningkatkan kerjasama dalaman dan antarabangsa yang akan mengeratkan lagi hubungan antara rakyat Malaysia dan Thai serta kedua-dua kerajaan.

"Sesungguhnya hubungan antara Thai dan Malaysia adalah sentiasa mesra. Lagipun wujud banyak persamaan antara kita," kata beliau.

Syed Razak melahirkan kegembiraan dengan komitmen yang ditunjukkan tetamu daripada Thailand itu bagi menjamin kejayaan perhimpunan yang penuh

bermakna dan sentiasa dikenang itu.

"Sebagai negara yang sedang membangun, wujud keinginan untuk berkerjasama sebagai rakan dalam mencapai hasrat bersama dan ini boleh dilakukan menerusi hubungan peribadi yang lebih baik dan persahabatan," tambah beliau.

-- BERNAMA

Team HM